

## PENDERMAAN ORGAN DI MALAYSIA: DARI SUDUT AGAMA DAN BUDAYA

\***Siti Rohana Daud, Mukhiffun Mukapit, Intan Liana Suhaime, Khaizie Sazimah Ahmad, Jumaelya Jogeran, Nani Shuhada Sehat**

Fakulti Pengurusan Perniagaan  
Universiti Teknologi MARA Cawangan Melaka  
KM26, Jalan Lendu, 78000 Alor Gajah, Melaka, Malaysia

\*Corresponding author's email: [sitirohanadaud@melaka.uitm.edu.my](mailto:sitirohanadaud@melaka.uitm.edu.my)

Submission date: 15 Feb 2018

Accepted date: 15 April 2018

Published date: 20 May 2018

### Abstract

Organ donation is an issue that is very much discussed nowadays. Religion and culture will be major factors in the discussion of the issue. This paper will explore how the two factors that can be a hinder or motivator on the number of organ donors in Malaysia. This paper also to identify the strategies developed by the Ministry of Health and several other parties to attract more pledger and emphasize religious and cultural factors in the campaign. The findings from local and overseas studies are examined to see the extent of the effectiveness of the strategies implemented based on religious and cultural factors. The increase in donor organ donation shows that the community is aware and understands the need for organ donation. Religion and culture are no longer a barrier, but it is a motivating factor. Furthermore, the delivery of information and effective strategies help to awareness of organ donation among Malaysians.

**Keywords:** donation, organ, culture, religion, Malaysia

### Abstrak

Pendermaan organ merupakan isu yang amat banyak diperkatakan pada masa kini. Kertas kerja ini akan meneroka bagaimana dua faktor utama iaitu agama dan budaya menjadi penghalang atau penggerak kepada bilangan pengikrar penderma organ di Malaysia. Kertas kerja ini seterusnya akan melihat strategi yang dilaksanakan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dan beberapa pihak lain bagi menarik lebih ramai pengikrar penderma organ di samping menekankan faktor agama dan budaya dalam kempen tersebut. Dapatkan kajian dari dalam dan luar negara dikaji bagi melihat sejauh mana keberkesanan strategi yang dilaksanakan oleh KKM berdasarkan kepada faktor agama dan budaya. Peningkatan pengikrar penderma organ menunjukkan masyarakat mula sedar dan faham tentang keperluan menderma organ. Agama dan budaya bukan lagi penghalang malah menjadi faktor motivasi kepada pendermaan organ. Tambahan pula, dengan penyampaian informasi dan beberapa strategi yang berkesan membantu kepada kesedaran terhadap pendermaan organ dalam kalangan masyarakat Malaysia.

**Katakunci:** pendermaan, organ, budaya, agama, Malaysia

## 1.0 PENDAHULUAN

Pendermaan organ bukanlah satu isu yang baharu di Malaysia. Malah ia semakin diterima oleh masyarakat di Malaysia sebagai satu kaedah dalam membantu pesakit yang memerlukan organ baru untuk meneruskan kehidupan. Namun, kesedaran dan ketersediaan untuk menderma organ dalam kalangan masyarakat Malaysia masih di tahap rendah (Patricia, 2016). Sehingga kini, dianggarkan lebih 247,000 bilangan pendaftar pengikrar telah direkodkan di Pusat Sumber Transplan Nasional berbanding penduduk Malaysia yang dianggarkan seramai 27 juta orang. Pendermaan organ merupakan satu disiplin yang membawa manfaat kepada keluarga penderma dan keluarga penerima organ. Proses pendermaan organ melibatkan pemindahan sebahagian organ atau tisu seseorang penderma kepada penerima yang memerlukan organ kerana kerosakan dan kegagalan organ atau tisu daripada berfungsi.

Pendermaan organ boleh dibahagikan kepada dua jenis iaitu pendermaan organ kadaverik dan pendermaan organ semasa hidup. Pendermaan organ kadaverik berlaku setelah penderma meninggal dunia dan perlu mendapat keizinan daripada waris si mati. Organ yang boleh didermakan ialah buah pinggang, hati, jantung, paru-paru dan juga tisu seperti kornea (mata), kulit, injap jantung dan tulang. Manakala penderma organ semasa hidup boleh mendermakan sebahagian daripada hatinya (“liver”) atau salah satu buah pinggang. Penderma organ pada kebiasaan adalah ahli keluarga atau pasangan suami isteri (Derma Organ, 2017).

Apabila dibincangkan tentang pendermaan organ, ia melibatkan hak-hak penderma, jenis-jenis orang yang layak menderma dan jenis-jenis pesakit yang akan mendapat sumbangan organ. Pendermaan organ ini mirip dengan isu ‘bio-etika’ yang merujuk kepada satu kajian mengenai isu-isu etika dan pembuatan keputusan yang menggunakan kehidupan dan organisma hidup serta merangkumi isu perubatan dan alam persekitaran (Norazlina, 2002).

Kertas kerja ini akan melihat dua aspek penting yang menjadi faktor utama dalam proses pendermaan organ di Malaysia iaitu agama dan budaya. Bhandary, Khanna, Rao, Lingam, & Binu, 2011 dan Wong, 2010 melihat faktor agama dan budaya sebagai isu penting dalam pendermaan organ. Selain itu, strategi yang telah dibuat oleh kerajaan Malaysia di bawah Kementerian Kesihatan Malaysia bagi kempen pendermaan organ akan disentuh. Seterusnya, pengkaji akan melihat sama ada terdapat signifikan atau tidak faktor penghalang tersebut dengan kempen yang dijalankan.

## 2.0 SOROTAN LITERATUR

Agama dan budaya merupakan dua tunjang utama dalam kehidupan manusia. Malaysia yang mempunyai kepelbagaiannya kaum dan agama tentunya mempunyai kepelbagaiannya prinsip dan pandangan masyarakat terhadap isu pendermaan organ. Dalam soroton literatur, pengkaji akan melihat dua aspek ini dengan lebih baik dan kesannya ke atas isu pendermaan organ di dunia umumnya dan Malaysia khususnya. Menurut mantan Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia, Tan Sri Dato' Seri Dr. Haji Mohd Ismail Merican dalam risalah JAKIM (2011), antara punca kurangnya penderma organ di Malaysia yang telah dikenal pasti ialah tanggapan yang kurang tepat mengenai pandangan agama terhadap pendermaan organ terutamanya dalam kalangan masyarakat Islam di negara ini. Datin Dr. Lela Yasmin Mansor selaku mantan Ketua Pengurus Klinikal Pusat Transplan Nasional juga menyatakan faktor utama rakyat Malaysia terutamanya bangsa Melayu tidak menderma organ adalah kerana perasaan takut. Ia mungkin disebabkan anggapan bahawa pendermaan organ akan melibatkan kematian dan mungkin juga kerana tidak tahu secara jelas tentang pendermaan organ ini (Astro Awani, 2013). Oleh itu, cara terbaik bagi mengatasi masalah ini adalah melalui penyebaran maklumat berkaitan menerusi internet dan media massa. Pelaksanaan dan perangkaan beberapa strategi patut dipuji dan diteruskan bagi menyebarkan maklumat berkaitan dengan cepat dan tepat. Pelantikan beberapa orang artis sebagai Duta Personaliti Pendermaan Organ Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) adalah salah satu strategi penyampaian maklumat yang lebih berkesan terutama kepada golongan belia dan remaja.

## 2.1 Strategi Pendermaan Organ di Malaysia

Bagi memberi kesedaran dan menggalakkan pendermaan organ dalam kalangan masyarakat Malaysia, beberapa strategi dan pendekatan telah dilaksanakan oleh beberapa pihak terutamanya Kementerian Kesihatan Malaysia yang melibatkan beberapa keistimewaan yang diberikan kepada penderma dan keluarga penderma. Bermula 29 Disember 2003, pengecualian bayaran bil hospital kerajaan diberikan kepada penderma organ dari tarikh kemasukan ke hospital seperti yang dinyatakan dalam surat Kementerian Kewangan KK/BP(S)09/692/79 Jld.3s.k.4/2003(4).

Selain itu, atas dasar keperluan, Jawatankuasa Bertindak Kesedaran Awam Pendermaan Organ ditubuhkan pada tahun 1999. Pengerusi Jawatankuasa Bertindak Kesedaran Awam Pendermaan Organ, Tan Sri Lee Lam Thye menyatakan, pihaknya akan mengadakan program lebih inovatif untuk mendapat sokongan masyarakat dan memberi kesedaran kepada mereka seperti melaksanakan kempen-kempen berkaitan.

Merujuk kepada Unit Perkhidmatan Transplan & Pusat Sumber Transplan Nasional, beberapa kaedah, unit dan pertubuhan diperkenalkan sejak tahun 1990 bagi memastikan strategi pendermaan organ dapat dilaksanakan dengan efisyen dan lebih terurus. Antaranya adalah seperti berikut:

**Jadual 1: Strategi Pendermaan Organ Malaysia**

<b>1994</b>	Malaysian Society Of Transplant (MST) telah ditubuhkan.
<b>1999</b>	<p>Malaysian Organ Sharing System (MOSS) dilancarkan dengan jayanya.</p> <p>Tissue &amp; Organ Procurement (TOP) telah dilancarkan di 16 hospital kerajaan seluruh negara untuk mengurus tadbir penderma organ selepas kematian.</p>
<b>1994</b>	National Transplant Procurement Management Unit (NTPMU) telah ditubuhkan di bawah pentadbiran Pusat Sumber Transplan Nasional (PSTN).
<b>2001</b>	Unrelated Transplant Approval Committee (UTAC) telah ditubuhkan. Daftar Transplantasi Kebangsaan atau National Transplant Registry (NTR) telah dilancarkan.
<b>2003</b>	Electronic Malaysian Organ Sharing System (EMOSS) telah dilancarkan.
<b>2007</b>	Polisi kebangsaan mengenai sel dan tisu transplan telah diterbitkan.
<b>2008</b>	<p>Majlis Transplantasi Kebangsaan (MTK) telah ditubuhkan.</p> <p>Unit Transplan di bawah Bahagian Perkembangan Perubatan, Kementerian Kesihatan Malaysia telah diasaskan.</p>
<b>2010</b>	<p>Pendaftaran online untuk pengikrar penderma organ telah bermula.</p> <p>Minggu Kesedaran Pendermaan Organ (MKPO) yang pertama telah dianjurkan.</p>

Sumber: Unit Perkhidmatan Transplan & Pusat Sumber Transplan Nasional (2012)

Jika dilihat daripada rentetan penubuhan dan perkenalan pelbagai strategi tersebut, isu pendermaan organ ini semakin cuba didedahkan kepada masyarakat Malaysia. Pendidikan dan penerangan berkaitan pendermaan organ ditekankan dalam kalangan masyarakat Malaysia dan nampaknya ia semakin dekat dengan masyarakat seiring dengan arus teknologi terkini. Hal ini adalah selaras dengan kajian Abd. Rashid (2000) di mana antara matlamat pendidikan adalah melahirkan individu yang dapat memberi sumbangan dalam pelbagai bidang kepada negara.

Selain itu, penubuhan Majlis Kanser Nasional (MAKNA), Institut Jantung Negara (IJN) dan beberapa institusi dan pertubuhan berkaitan juga menunjukkan Malaysia merupakan antara negara yang sangat prihatin terhadap pesakit yang memerlukan bantuan. Ia juga merupakan cara untuk memudahkan proses pendermaan organ. Penglibatan sukarelawan dan pelantikan Duta Personaliti Pendermaan Organ dalam kalangan artis dan personaliti terkenal juga merupakan strategi yang mampu menarik minat golongan masyarakat untuk sama-sama terlibat dengan program-program kempen kesedaran pendermaan organ.

Kempen Jalanan yang diperkenalkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia juga merupakan satu kaedah baharu bagi mempromosi dan menyampaikan mesej berkaitan pendermaan organ kepada masyarakat. Usaha para sukarelawan untuk turun padang, bersemuka dan menyampaikan maklumat berkaitan kepada masyarakat terbukti berkesan dengan seramai 5,107 pengikrar penderma organ baharu didaftarkan semasa Minggu Kesedaran Pendermaan Organ 2014 yang mana aktiviti Kempen Jalanan julung-julung kalinya diperkenalkan. Ia dijalankan secara serentak di lebih 70 lokasi di seluruh negara (Utusan Malaysia, 2015).

Beberapa laman sesawang dibangunkan dan diperkenalkan bagi mendidik dan mendedahkan masyarakat berkaitan pendermaan organ seperti <https://www.facebook.com/dermaorgan> dan [www.dermaorgan.gov.my](http://www.dermaorgan.gov.my). Pelbagai maklumat boleh diperolehi melalui laman-laman sesawang tersebut. Ia amat mudah dicapai oleh masyarakat terutama golongan muda yang lebih arif dengan kemajuan dan perubahan teknologi.

## **2.2 Pendermaan Organ Dari Perspektif Islam**

Pada Jun 1970, Majlis Fatwa Kebangsaan telah mengeluarkan fatwa berkaitan pendermaan jantung dan mata adalah harus selagi ia tidak mendatangkan kemudarat kepada penderma dan penerima. Ia juga terikat kepada beberapa syarat tertentu yang tidak menyalahi agama. Yang penting, ia perlu mendapat keizinan penderma dan berlaku atas kerelaan penderma serta tidak mencabuli kehormatan manusia yang mana tidak melibatkan urusan jual beli Derma Organ (2017).

Secara asasnya, hukum pemindahan dan pendermaan organ adalah harus. Perkara ini adalah kerana pemindahan dan pendermaan organ memenuhi tuntutan memelihara nyawa manusia yang merupakan salah satu daripada maqasid al-syar‘iyyah (objektif syariah). Islam amat menekankan kepada nilai-nilai etika kemanusiaan yang mana mengharamkan jual beli atau pemedagangan organ. Jika pemindahan organ melibatkan si mati, ia amat penting untuk mempertimbangkan perasaan waris-waris si mati.

Adakah masyarakat Muslim benar-benar faham dengan fatwa yang dikeluarkan? Sheikh et al. (2000) mendapati bahawa bilangan penderma organ di Malaysia yang beragama Islam adalah paling kurang berbanding pengikut agama lain. Ia disokong oleh satu kajian yang mendapati bahawa ramai responden Muslim menyatakan bahawa agama Islam melarang penganutnya untuk menderma organ berbanding agama Buddha dan Hindu (Wong, 2010). Satu perbandingan dibuat antara negara-negara Islam dan negara bukan Islam yang memperlihatkan peratusan kesedaran pendermaan organ yang amat tinggi perbezaannya iaitu negara-negara barat seperti Jerman (14.9%), UK (15.5%), Itali (21.3%), AS (21.9%) dan Sepanyol (34.4%) manakala negara-negara Islam seperti Arab Saudi (3.3%), Iran (2.9%) dan Turki (2.8%). Kadar peratusan kesedaran pendermaan organ bagi negara-negara Islam yang dinyatakan adalah lebih kurang sama dengan negara-negara Islam yang lain tetapi sangat berbeza jika dibandingkan dengan Amerika Syarikat dan kebanyakannya negara Eropah (Uskun & Ozturk, 2013).

Strategi-strategi dan prosedur pendermaan organ di Malaysia sememangnya mementingkan pandangan agama dan tidak menyalahi nilai-nilai etika kemanusiaan. Hak seseorang untuk menderma organ secara sukarela amat dititikberatkan. Kebenaran daripada waris si mati diperlukan jika sebahagian organ si mati diperlukan untuk menyelamatkan pesakit yang mengalami kegagalan fungsi organ. Pendermaan organ ini juga disokong dan dibenarkan oleh agama-agama lain seperti Buddha, Kristian, dan Hindu malah agama Sikh juga menganggapnya sebagai satu amalan yang mulia (Astro Awani; 2013).

Sehubungan dengan itu, risalah Pemindahan Organ Dari Perspektif Islam telah diterbitkan pada tahun 2011 oleh Kementerian Kesihatan Malaysia dengan kerjasama Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) bagi memberi garis panduan pendermaan organ yang selari dengan Agama Islam.

### **2.3 Budaya dan Pendermaan Organ**

Kadar pendermaan organ di seluruh dunia dilihat semakin meningkat dari tahun ke tahun. Amerika Syarikat merupakan negara yang mencatatkan pendermaan organ yang paling tinggi di dunia. Beberapa perkara telah dikaji bagi melihat faktor yang menyebabkan kadar pendermaan organ dalam kalangan masyarakat di sesebuah negara meningkat. Kajian yang dilakukan oleh Kasiske, (2012) mendapati faktor Indeks Pembangunan Manusia (HDI) yang melihat kepada tahap pendidikan, kehidupan dan pendapatan menjelaskan bahawa negara-negara maju yang mempunyai kadar HDI yang tinggi mempunyai kadar penderma organ yang ramai. Namun begitu, kajian tersebut juga mendapati bahawa negara yang mempunyai kadar HDI yang tinggi juga mempunyai kadar penderma organ yang sedikit. Contohnya kadar pendermaan buah pinggang di Jepun lebih kecil berbanding dengan negara yang mempunyai kadar HDI yang sama. Hasil kajian tersebut menyimpulkan bahawa terdapat juga faktor budaya yang menyumbang kepada pendermaan organ dalam kalangan masyarakat di sesebuah negara.

Secara umumnya, masyarakat Malaysia terkenal dengan sifat pemurah dan suka menderma. Namun, jumlah penderma organ yang berikrar masih sedikit berbanding jumlah penduduk Malaysia. Ia nampak tidak selari dengan sikap pemurah dan suka menderma tersebut. Kesedaran terhadap pendermaan organ ini masih sangat kurang dalam kalangan masyarakat Malaysia walaupun ia telah semakin diterima sebagai satu jalan untuk menyelamatkan pesakit yang mengalami kerosakan dan kegagalan fungsi organ untuk terus hidup.

Mengikut kajian Norimah dan Asmah (1998), apabila disoal isu pendermaan organ di Malaysia, 54.5% penderma bersedia untuk menderma selepas kematian dan hanya 39.9% sahaja yang bersedia untuk menderma ketika hidup. Menurut Ketua Jabatan Nefrologi Hospital Kuala Lumpur dalam Norazlina (2002), hasil kajian terhadap 700 ibu bapa di sekitar ibu kota, didapati kurang 20% daripada ibu bapa yang sanggup menderma organ kepada pihak hospital setelah meninggal dunia. Hal ini jelas menunjukkan kesanggupan masyarakat Malaysia untuk menderma organ masih di tahap rendah walaupun hakikatnya masyarakat sedar akan kepentingan menderma organ.

Faktor budaya juga memainkan peranan penting dalam mempengaruhi tahap ketersediaan masyarakat Malaysia untuk menderma organ. Hofstede (2001) telah mengenal pasti lima ciri untuk menilai sesebuah budaya masyarakat di sesebuah negara. Salah satu ciri budaya iaitu kebimbangan terhadap ketidakpastian (*uncertainty avoidance*) dalam kalangan masyarakat Malaysia adalah tinggi. Hal ini selari dengan apa yang dialami dalam isu pendermaan organ. Kebimbangan terhadap apa yang berlaku selepas menderma organ menyebabkan masyarakat berfikir dua kali untuk berikrar sebagai penderma organ.

Walaupun begitu, terdapat individu daripada masyarakat kita yang telah menjadi contoh dalam isu pendermaan organ. Kes seperti Idris Mohamad yang secara sukarela menderma sebahagian hatinya kepada adik Nurul Afiqah Mohd Zahir pada tahun 2000, yang langsung tiada pertalian darah antara beliau dengan pesakit, telah memberi galakan kepada beberapa penderma organ yang lain untuk terus membantu pesakit yang mengalami kegagalan fungsi organ (Kor Abdullah, 2012).

### **3.0 METODOLOGI KAJIAN**

Kertas kerja ini hanya berbentuk sorotan literatur. Dapatan kajian dari dalam dan luar negara dikupas bagi melihat pengaruh agama dan budaya terhadap tahap penerimaan masyarakat Malaysia dalam pendermaan organ.

## 4.0 HALA TUJU DAN HARAPAN

Kempen Minggu Kesedaran Pendermaan Organ pertama kali diadakan pada tahun 2010. Sejak itu, kesedaran orang ramai tentang pendermaan organ mula wujud. Walau bagaimanapun, perbezaan peratusan kesedaran pendermaan organ antara negara Malaysia dengan negara-negara Eropah masih sangat jauh. Hanya 0.9% sahaja populasi di Malaysia menjadi pengikrar penderma organ dan jika dibandingkan, Malaysia ketinggalan 30% hingga 40% daripada penderma organ berdaftar di negara-negara Eropah (Ahmad, 2011).

Usaha meningkatkan kesedaran pendermaan organ kepada masyarakat semakin berkesan. Ramai dalam kalangan masyarakat Malaysia mula mengetahui dan menyedari tentang kepentingan pendermaan organ dewasa ini. Tambahan pula, ia disokong oleh budaya dan agama yang mengharuskan perkara ini. Dalam satu kajian berkaitan, kebanyakan responden mempunyai kefahaman dan mengetahui tiada halangan agama dan budaya dalam menderma organ tetapi kebanyakan mereka tidak mahu untuk menjadi penderma organ (Bhandary, 2011). Ia selari dengan dapatan Lisa (2015) yang mana kebanyakan responden kurang berminat dengan kempen pendermaan organ yang telah dijalankan dan masih tidak bersedia untuk menjadi pengikrar penderma organ. Namun, mereka berpendapat bahawa kempen seumpama itu perlu diteruskan untuk memberi kesedaran kepada masyarakat khususnya masyarakat Islam.

Selain itu, usaha-usaha untuk memotivasi masyarakat agar rela dan tidak takut untuk menderma organ perlu dipergiatkan. Penglibatan ketua agama dan masyarakat adalah perlu dalam memberi kesedaran kepada orang awam (Wong, 2010). Ia selaras dengan kajian Uskun & Ozturk (2013) yang mendapati ketua-ketua agama perlu terlibat secara langsung dalam memberi nasihat dan penjelasan kepada masyarakat berkaitan pendermaan organ. Alicia, (2004) menyarankan strategi pemasaran juga perlu dipraktikkan bagi mempromosi kempen kesedaran pendermaan organ walaupun ia tidak melibatkan keuntungan dan jual beli.

## 5.0 PENUTUP

Kekurangan bekalan organ yang diperlukan akibat daripada kurangnya penderma organ menjadi cabaran utama dalam menjayakan pemindahan organ bagi membantu pesakit yang mengalami kegagalan fungsi organ. Pelbagai usaha dan strategi telah dilaksanakan bagi memberi maklumat yang tepat tentang pendermaan organ kepada masyarakat. Namun, ia mungkin memakan masa untuk mendidik dan menyedarkan masyarakat tentang perihal pentingnya pendermaan organ dalam bidang perubatan. Penjelasan dari perspektif agama amat penting bagi memastikan masyarakat tidak lagi terikat dengan halangan agama untuk menjadi penderma organ. Berkaitan dengan halangan budaya, ia dapat diatasi dengan adanya maklumat dan penjelasan yang mudah diperolehi oleh masyarakat tentang kepentingan dan faedah pendermaan organ. Strategi-strategi dan program-program yang dijalankan perlu dipuji kerana ia merupakan usaha jitu daripada pihak-pihak tertentu untuk meningkatkan kesedaran masyarakat berhubung pendermaan organ. Ia perlu terus dipertingkatkan bagi memastikan kekurangan bekalan organ untuk pesakit bukan lagi menjadi isu yang besar. Semoga usaha-usaha ini mampu untuk meningkatkan lagi pengikrar penderma organ.

## Rujukan

- Abd. Rashid, A.R., (2000). *Pendidikan dalam konteks sejarah pembangunan semula bangsa Malaysia*. Fakulti Pendidikan, Universiti Malaya.
- Ahmad, N., Ibrahim, F. Mustaffa, N., Peng Kee, C. (2011). Pencarian maklumat pendermaan organ dan tisu dalam pengikrar penderma organ: Satu tinjauan awal. *Malaysian Journal of Communication*, 27(1), 102-117.
- Alicia, A., Gyu B., Roggenkamp, S. (2004). From attitude formation to behavioral response in organ donation: Using marketing to increase consent rates. *Jurnal of Health Marketing Quarterly*. Volume 20, Issue 3, 2004. doi: 10.1300/J026v20n03\_03
- Derma Organ (2017). Apa itu pendermaan organ?. Muat turun dari <http://www.dermaorgan.gov.my/apa-itu-pendermaan-organ/>
- Bhandary, S., Khanna R., Rao, K. A., Rao, L. G., Lingam K. D., & Binu, V. (2011). Eye donation - Awareness and willingness among attendants of patients at various clinics in Melaka, Malaysia. *Indian Journal of Ophthalmology*, 59(1), 41-45. doi:10.4103/0301-4738.73727
- Francis L. Delmonico (2011). The Sciences and Social Necessity of Deceaseds of Organ Donation. *Rambam Maimonides Medical Journal*. April 2011. Volume 2.
- Hasrizal Jamil (2012, Oktober, 14). Saya duta pendermaan organ. Muat turun dari <http://saifulislam.com/2012/10/saya-duta-pendermaan-organ-kkm/>
- Hofstede, G. (2001). *Cultures consequences: Comparing values, behaviors, institutions and organizations across nations* (2nded.). Thousand Oaks: Sage Publications.
- Kasiske, B. L., Skeans M. A., Leighton, T. R., Ghimire, V., Leppe, S. N., Israni, A. K. (2012). OPTN/SRTR 2011 Annual Data Report: International Data. *American Journal of Transplantation*, 13 (1), 1-28.
- Kor Abdullah, R. (2012, October 28). Derma ikhlas dari hati. *Utusan Online*. Muat turun dari [http://www.utusan.com.my/utusan/Kesihatan/20121028/kn\\_03/Derma-ikhlas-dari-hati](http://www.utusan.com.my/utusan/Kesihatan/20121028/kn_03/Derma-ikhlas-dari-hati)
- Lee, L. T (2015, November 05). Kesedaran menderma organ meningkat. *Utusan Online*. Muat turun dari <http://www.utusan.com.my/rencana/utama/kesedaran-menderma-organ-meningkat-1.154696#ixzz5CA0NkRRe>
- Lisa, H., Mohd Helmi, A. R., Lyndon, N. (2015) Penerimaan kempen pendermaan organ dalam kalangan masyarakat Islam di Malaysia: satu kajian pendapat awam. *Geografia: Malaysian Journal of Society and Space*, 11(8), 110-123.
- Mansor, A. (2014, November 18). Budaya derma organ rendah. *My Metro* Muat turun dari [http://www2.hmetro.com.my/myMetro/articles/Budayadermaorganrendah/Article/index\\_html#stha\\_sh.jDSXWKH1.dpuf](http://www2.hmetro.com.my/myMetro/articles/Budayadermaorganrendah/Article/index_html#stha_sh.jDSXWKH1.dpuf).
- Mohd Nor, A. (2012, April 26). Muat turun dari <http://www.myhealth.gov.my/index.php/derma-organ>.

- Norazlina, A.A. (2002). Bio-etika dalam pemindahan organ: Pengkhususan dalam pemerolehan organ (Thesis Ijazah Sarjana Undang-undang). Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Malaysia.
- Norimah Yusof dan Asmah Hassan (1998). *Survey of public knowledge in tissue banking in Malaysia*. Malaysian Institute for Nuclear Technology Research (MINT), Bangi.
- Patricia, G. (2016, October 28). Tahap pendermaan organ di Malaysia rendah. *Borneo Post Online*. Muat turun dari <http://www.theborneopost.com/2016/10/28/tahap-pendermaan-organ-di-malaysia-rendah/>.
- Kementerian Kesihatan Malaysia dan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) (2011). Pemindahan organ dari perspektif Islam.
- Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) (2011). Pendermaan organ semasa hidup.
- Derma Organ (2011). Perspektif Islam terhadap pendermaan organ dan transplantasi. Muat turun dari <http://www.dermaorgan.gov.my/pandangan-agama/>.
- Sheikh (2000). Sahih Muslim. Dar al-Salam, Arab Saudi.
- Astro Awani (2013). Salah faham tentang isu derma organ. Muat turun dari <http://www.astroawani.com/berita-malaysia/salah-faham-tentang-isu-derma-organ-7656>.
- Uskun, E., & Ozturk, M. (2013). Attitudes of Islamic religious officials toward organ transplant and donation. *Clinical Transplantation*, 27(1), E37–41. doi:10.1111/ctr.12058.
- Wong, L. P. (2010). Factors limiting deceased organ donation: focus groups' perspective from culturally diverse community. *Transplantation Proceedings*, 42(5), 1439–44. doi:10.1016/j.transproceed.2009.11.053.
- Wong, L. P. (2011). Knowledge, attitudes, practices and behaviors regarding deceased organ donation and transplantation in Malaysia's multi-ethnic society: a baseline study. *Clinical Transplantation*, 25(1), E22–31. doi:10.1111/j.1399-0012.2010.01312.x.